

27/06/2001

Pertubuhan suka isu sensasi ditegur

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegur pertubuhan sukarela yang hanya berminat dengan isu sensasi, seperti hak asasi manusia dan kebebasan bersuara, sedangkan permasalahan dadah tidak diberi perhatian serius.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pertubuhan sukarela sepatutnya bersama menangani masalah itu bagi mencapai hasrat kerajaan mewujudkan generasi bebas daripada dadah menjelang 2015.

"Permasalahan dadah memerlukan perhatian serius semua pihak. Oleh itu, musuh ini perlu kita banteras agar negara kita aman, bebas daripada dadah demi masa depan generasi akan datang.

"Dalam hal ini, pertubuhan dan kelab belia boleh menganjurkan kegiatan kesedaran dan pencegahan dadah. Mulakannya sekarang, dan bagi yang sudah bermula, laksanakanlah secara berterusan serta tersusun supaya ada kesannya," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis peringatan Hari Anti Dadah Antarabangsa 2001 di Auditorium Perdana, Angkasapuri di sini, hari ini. Sambutan itu bertemakan "menjana generasi tanpa dadah".

Abdullah juga meminta sektor swasta bekerjasama membasmi dadah dengan memperkenalkan program "tempat kerja bebas dari dadah".

Beliau berkata, masalah dadah di kalangan pekerja sektor perkilangan dapat diatasi jika majikan komited membuat peraturan dan mengadakan program antidadah di tempat kerja.

Katanya, pihak pengurusan harus menunjukkan komitmen yang lebih serius untuk mewujudkan tempat kerja yang bebas daripada dadah.

Beliau berkata, atas visi dan daya usaha Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerusi persidangan antarabangsa mengenai penagihan dan pengedaran dadah di Vienna, Austria pada 1987, maka Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengisytiharkan 26 Jun sebagai Hari Anti Dadah Antarabangsa.

Sambutan pada peringkat antarabangsa itu kali ini bertemakan 'sukan lawan dadah'.

Abdullah berkata, sejak itu usaha dipergiatkan untuk memerangi ancaman penyalahgunaan dadah dan pengedaran dadah secara yang tersusun serta bersepadu di seluruh dunia.

Malah, katanya, Malaysia menjadi negara pertama mengenakan hukuman mati mandatori terhadap pesalah dadah dan ketika itu banyak pertubuhan hak asasi manusia mengecam kerajaan kerana membuat undang-undang yang dianggap kejam.

"Tetapi hari ini kita dapati banyak negara mengikut langkah yang sudah dilaksanakan Malaysia termasuk mengenakan hukuman mati kepada pesalah dadah," katanya.

Abdullah berkata, strategi kerajaan untuk mencapai misi "generasi tanpa dadah" ialah menjadikan remaja serta belia, bebas daripada dadah supaya menjadi individu produktif dan boleh dipertanggungjawabkan untuk memimpin negara.

Katanya, dalam masa 10 hingga 15 tahun akan datang, golongan itu akan menjadi teras masyarakat sama ada sebagai pemimpin, pentadbir, polis, tentera, pekerja sektor awam dan swasta, menggantikan teras anggota masyarakat sekarang.

Bagaimanapun, katanya, program pencegahan yang dibuat kerajaan tidak akan berkesan atau berjaya sepenuhnya tanpa sokongan atau bantuan ibu

bapa, guru, majikan dan pertubuhan sukarela.

Terdahulu, Ketua Pengarah Agensi Dadah Kebangsaan, Datuk Salleh Mat Som dalam ucapannya berkata tahun lalu 30,593 penagih dadah dikesan manakala sehingga akhir April lalu, 8,190 penagih dikesan.

Katanya, profil penagih yang dikesan menunjukkan 98.3 peratus adalah lelaki dan 83.2 peratus daripada mereka membabitkan remaja atau belia di bawah umur 40 tahun.

Beliau berkata, pada tahun ini 56 pusat pemulihan dan rawatan persendirian dikendalikan badan bukan kerajaan (NGO) bagi membantu merawat dan memulihkan penagih dadah.

(END)